



**MENTERI SUMBER MANUSIA  
KENYATAAN MEDIA**

**PENGGAJIAN PEKHIDMAT DOMESTIK INDONESIA (PDI)**

1. Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Republik Indonesia telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) berhubung Pengambilan dan Perlindungan Pekhidmat Domestik Indonesia (PDI) 2022 pada 1 April 2022 bagi pengurusan pengajian PDI di Malaysia.
2. Oleh yang demikian, pada 5 April 2022 saya telah memaklumkan bahawa hanya **Agensi Pekerjaan Swasta (APS) yang berdaftar di bawah Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 di bawah kategori lesen B atau C dan diperakui oleh Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia** yang dibenarkan untuk membuat permohonan PDI.
3. Selain itu, sepertimana yang dipersetujui dalam MoU tersebut, kos maksimum bagi pengambilan PDI adalah RM15,000. Sehubungan dengan itu, **kesemua APS yang membuat permohonan pengajian PDI adalah disarankan untuk mematuhi penetapan kos pengambilan yang dipersetujui. Tindakan sewajarnya akan dikenakan kepada APS yang ingkar.**
4. Sebarang pertanyaan lanjut berhubung permohonan pengajian PDI boleh dirujuk kepada Kementerian Sumber Manusia melalui talian 03-88862410 / 03-88862451 / 03-88862450/ 03-88862352.

**DATUK SERI M. SARAVANAN  
MENTERI SUMBER MANUSIA  
PUTRAJAYA  
17 MEI 2022**